

Sesuai kehendak rakyat Dr. M: Kerajaan puas hati dengan sistem demokrasi kita

KERAJAAN memang berpuashati dengan sistem demokrasi 'penuh' yang diamalkan di negara ini sekarang, tegas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, demokrasi yang diamalkan itu adalah mengikut prinsip dan tafsiran yang sesuai dengan kehendak rakyat Malaysia.

Dalam jawapan bertulis kepada Senator V.V. Aboo di Dewan Negara petang ini, beliau menegaskan lagi, ini adalah perlu kerana flap-tlap negara membuat tafsiran sendiri terhadap demokrasi.

"Kita dapati Soviet Russia juga mendakwa mereka adalah de-

KUALA LUMPUR, Rabu

mokratik dan Amerika Syarikat juga mendakwa dirinya demokratik.

"Tetapi, di kedua negara itu terdapat amalan yang bukan sahaja bertentangan antara satu sama lain, tetapi juga sukar diterima oleh rakyat Malaysia," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, yang penting dalam demokrasi ialah rakyat dapat memilih wakil mereka melalui pilihanraya.

Menurutnya, kebebasan melanggar undang-undang yang terdapat di setengah-setengah negara yang kononnya demokratik bukanlah asas atau ukuran demokrasi.

Katanya lagi, kebebasan ini

memang tidak ada dan tidak akan diberi di negara ini, kerana ia lebih merupakan anarki dari demokrasi.

"Sebab itu kita bukan sahaja berpuashati dengan demokrasi penuh kita, tetapi kita anggap kita lebih demokratik dari lain-lain demokrasi di dunia," ujarnya.

Sementara itu, Tengku Razaleigh Hamzah memberi jaminan di Dewan Negara hari ini, kerajaan tidak akan membiarkan inflasi menjejaskan prestasi ekonomi negara, paras pendataan sebenar dan taraf hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

Dalam jawapan bertulis kepada Senator Ismail Sheikh Ibrahim, Menteri Kewangan berkata, pada masa ini kedudukan inflasi di negara ini tidaklah begitu buruk seperti di negara-negara maju dan negara-negara membangun lainnya.

Menurut beliau, kadar inflasi Malaysia dalam tahun ini dijangka berada hanya di paras kira-kira 6 peratus.

Kadar ini adalah rendah dibandingkan dengan kadar 18 peratus di United Kingdom, 19 peratus di Itali dan 14 peratus di Amerika Syarikat, tambahnya.

Terbuka

Di negara-negara Asia pula, kata Tengku Razaleigh lagi, kadar-kadar inflasi adalah lebih tinggi seperti 15 peratus di Indonesia, 20 peratus di Filipina, 13 peratus di Thailand dan 27 peratus di Korea.

"Walaupun ekonomi kita terbuka dan dipengaruhi oleh aliran harga di negara-negara perindustrian terutama sekali negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan Malaysia, kita telah dapat menstabilkan paras harga pada kadar yang paling rendah," katanya.

Ini adalah disebabkan oleh langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran yang telah dilaksanakan selama ini oleh kerajaan.

Tegas beliau, langkah-langkah ini akan terus dijalankan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11, 362 / 187
No. Penerimaan 3175 / 87